

## Pengajaran Karangan daripada Perspektif Harapan Murid Sekolah Menengah (*Teaching Essay from the Perspective of Secondary School Students' Expectations*)

<sup>1</sup>ROZITA MOHAMED YUNEH, <sup>2</sup>RAHIM AMAN & <sup>3</sup>SHAHIDI A. HAMID

<sup>1,2,3</sup>Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia.

[p102133@siswa.ukm.edu.my](mailto:p102133@siswa.ukm.edu.my), [tuntas@ukm.edu.my](mailto:tuntas@ukm.edu.my) & [zedic@ukm.edu.my](mailto:zedic@ukm.edu.my)

Dihantar: 2 Ogos 2024 / Diterima: 14 September 2024

Koresponden e-mel: [p102133@siswa.ukm.edu.my](mailto:p102133@siswa.ukm.edu.my)

**ABSTRAK:** Murid menaruh harapan terhadap guru dalam proses pembelajaran. Makalah ini meneroka aspek harapan murid terhadap pengajaran karangan yang dilihat daripada perspektif tiga orang murid sekolah menengah. Kajian ini berbentuk kajian kes pelbagai kes-pelbagai tempat. Tiga orang murid tingkatan lima terlibat sebagai peserta kajian yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data ialah protokol temu bual tidak berstruktur. Data yang diperoleh melalui protokol temu bual tidak berstruktur ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik bagi pembinaan tema untuk menjawab persoalan kajian berkaitan dengan aspek harapan murid terhadap pengajaran karangan. Hasil kajian memperlihatkan lima aspek harapan murid terhadap pengajaran karangan, iaitu pengajaran karangan yang berkualiti, pengajaran karangan yang bertahap-tahap, pengajaran karangan dengan pelbagai kaedah, maklum balas penulisan dan intervensi penulisan. Secara keseluruhan, harapan murid merupakan keperluan murid yang perlu ditumpukan oleh guru bagi memastikan keberkesanan pengajaran karangan.

**Kata Kunci:** Harapan, Pengajaran Karangan, Pendekatan Tematik, Intervensi

**ABSTRACT:** Students have many expectations towards their teacher during the learning process. This paper explores aspects of students' expectations towards essay teaching, seen from the perspectives of three secondary school students. This study adopted the multicase, multisite case study approach. Three form-five students were involved as study participants and were selected through purposeful sampling. A set of unstructured interview protocols was used as a data collection instrument. Data obtained through the unstructured interview protocols were analysed using the thematic approach to construct themes and answer the study questions related to students' expectation in learning essay writing. The results showed five aspects of students' expectations towards essay writing lessons -quality essay teaching, teaching essays in different stages, teaching essay writing through diverse methods, feedback on writing and writing interventions. Overall, teachers should be focused on students' expectations to ensure the effectiveness of essay teaching.

**Keywords:** Expectation, Essay Teaching, Thematic Approach, Intervention, Teaching Effectiveness

### PENGENALAN

Setiap negara mempunyai sistem pendidikan masing-masing. Menurut Normiati dan Abdul Said (2019) kualiti sistem pendidikan adalah sukar untuk diukur walaupun pelbagai indikator diwujudkan. Di Malaysia penambahbaikan kurikulum dilaksanakan demi sistem pendidikan yang lebih berkualiti. Perkembangannya bermula dengan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) yang berorientasikan sukatan pelajaran Eropah yang dilaksanakan sejurus Tanah Melayu

mencapai kemerdekaan hasil daripada Ordinan Pelajaran 1957. Pada tahun 1983 Kurikulum Baru Sekolah Menengah telah diperkenalkan dengan beberapa penyesuaian agar pendidikan akan menjadi sarana utama dalam memenuhi hasrat menjana warganegara yang berbakti kepada tanah air. Seterusnya, kurikulum tersebut ditambah baik dan dibentuk secara bersepadu selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sehinggalah terjelma Kurikulum Bersepadu

Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. KBSM mengalami transformasi pada tahun 2017 apabila Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) membangunkan kurikulum berpusatkan

murid melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

### PERMASALAHAN KAJIAN

Berhubung dengan perkara di atas, murid merupakan pelanggan utama dalam sistem pendidikan (Hill, 2005). Kepuasan murid merupakan kunci kepada sistem pendidikan sebagaimana kepuasan pelanggan penting dalam sesebuah perniagaan dan perkhidmatan. Isu-isu berkaitan kelemahan murid menguasai kemahiran menulis seperti yang dibincangkan oleh Abdul Rasid (2011), Che Zanariah dan Fadzilah (2011),

serta Zuraini et al. (2013) menggambarkan murid tidak memperoleh kepuasan dalam pengajaran karangan yang ditempuhinya. Perkara ini dikukuhkan lagi apabila laporan analisis pencapaian Bahasa Melayu dalam fasa tiga tahun pertama pelaksanaan KSSM menunjukkan trend kegagalan dalam mata pelajaran ini masih lagi dalam sempadan puluhan ribu orang murid seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Bilangan Calon Gagal Bahasa Melayu Peringkat Nasional (2021-2023).

| Tahun         | Bil. Duduki | % Gagal | Bil. Gagal     |
|---------------|-------------|---------|----------------|
| 2021          | 372, 499    | 3.2     | 11, 920        |
| 2022          | 370, 837    | 2.6     | 9, 642         |
| 2023          | 372, 257    | 2.5     | 9, 307         |
| <b>Jumlah</b> |             |         | <b>30, 869</b> |

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2024)

Berdasarkan Jadual 1, tahun 2021 mencatatkan sebanyak 11920 orang murid gagal menguasai Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walaupun angka ini menurun kepada 9642 orang pada tahun 2022, namun aliran kegagalan ini masih lagi dalam sempadan ribu orang murid. Tahun 2023 menyaksikan 9307 orang calon tidak berupaya mendapat gred minimum untuk lulus Bahasa Melayu. Sepanjang tiga tahun pertama pentaksiran Bahasa Melayu berformat KSSM sebanyak 30869 orang calon yang tidak lulus telah direkodkan. Dapatan ini tidak menggambarkan kecekapan berbahasa yang tinggi.

Kajian penulisan telah lama merancakkan dunia penyelidikan sejak dahulu lagi, sama ada di dalam atau di luar negara. Norliza et al. (2021) membincangkan kelemahan murid mengarang adalah disebabkan murid tidak menguasai topik karangan dengan mendalam. Amah Shah dan Zamri (2021) pula mengaitkan penguasaan kosa kata yang terhad membataskan murid mengarang dengan berkesan. Nurul Aisyah et al. (2016) mendapati murid tidak berupaya menjana isi karangan, justeru karangan tidak berkembang. Ghazzoul (2018) pula mendapati isu ketidakmampuan murid menulis ayat topik dengan struktur ayat topik, iaitu topik dan idea pengawal menyebabkan pengembangan perenggan menjadi tidak terkawal kerana tidak mempunyai idea pengawal yang boleh mengehadkan batas perbincangan. Wuwuh Yunhadi (2016) dalam penerokaannya pula mendapati kelemahan murid mengarang diperlihatkan melalui ayat-ayat sokongan yang tidak relevan dengan ayat topik. Khatijah (1996),

Roselan (2003), Rozita et al. (2022) pula bersepakat bahawa kekangan murid dalam menulis adalah murid tidak terlatih menggunakan sarana kohesi dalam perenggan.

Ekoran daripada kelemahan-kelemahan murid ini, maka banyak kajian berbentuk ekperimental benar dengan mengimplementasikan kaedah tertentu. Kajian ini bersifat menguji keberkesanan suatu kaedah terhadap responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan diagih secara rawak. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Md. Fadzil dan Zamri (2020), serta Norliza et al. (2021). Begitu juga banyak kajian berkaitan pengajaran karangan dilakukan. Kajian pengajaran karangan bermaksud penyelidikan yang memerihalkan pengupayaan dan pemantapan pengajaran penulisan daripada perspektif pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru. Kajian-kajian ini ditunjukkan dalam penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji seperti Nee dan Muhammad Syawal (2021) serta Nurul Asyikin et al. (2020).

Namun, permasalahan mengarang ini umpama tiada noktahnya. Penulisan karangan tetap menjadi subjek kajian dan sentiasa dikaji sehinggalah ke saat ini. Lantaran itu, Brophy (2003); Steele (2002); Wineburg (2007) menyarankan kepentingan menyelesaikan masalah ini daripada perspektif memenuhi harapan murid. Menurut Brophy (2003) murid mempunyai harapan terhadap pengajaran guru. Muhammad Faizal dan Williams (2014) pula berpandangan bahawa semakin guru berupaya memenuhi harapan murid dalam pengajaran,

maka semakin tinggi aspirasi sistem pendidikan dapat direalisasikan. Di Malaysia sendiri, masih kurang kajian tentang harapan murid terhadap pengajaran karangan yang diteliti. Hal ini secara langsung memperlihatkan kelompondan yang wujud daripada perspektif memenuhi harapan

murid dalam pengajaran karangan dan perlu diteroka secara menyeluruh. Maka makalah ini bertujuan untuk mencungkil harapan murid terhadap pengajaran karangan.

### OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk meneroka aspek harapan murid sekolah

menengah terhadap proses pengajaran karangan yang dilalui.

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

Menurut Worgan (2013) Teori Harapan telah dikemukakan oleh Rick Synder (1958). Teori ini mendefinisikan harapan sebagai pemikiran mengenai jangkaan seseorang untuk mencapai sesuatu tujuan. Berdasarkan teori ini, harapan melibatkan tiga komponen iaitu memikirkan tujuan (*goals thinking*), jalan pintas (*pathway*) dan agensi (*agency*). Komponen memikirkan tujuan merupakan asas kepada sebuah harapan. Jalan pintas pula ialah kesedaran inidividu merancang strategi untuk mencapai tujuan. Agensi ialah motivasi yang akan merangsang individu bergerak mengikut strategi yang dirancang.

Worgan (2013) yang meneliti kajian Brunininks dan Malle (1991) menemukan gambaran harapan sebagai suatu emosi yang timbul ketika individu memfokuskan kepada satu perkara penting. Dapatan yang menemukan harapan sebagai sebuah emosi ini bertentangan dengan Teori Synder yang mengkonsepsikan harapan sebagai satu pemikiran. Beberapa pengkaji lain seperti Averill et al. (1991) turut menemukan dapatan yang berbeza mengenai harapan sehingga timbul pelbagai konsep harapan daripada perspektif yang berlainan. Namun secara khususnya, harapan tidak hanya berkait dengan aspek pemikiran semata-mata, namun berhubungan juga dengan aspek emosi.

Menurut Peterson dan Bryon (2008) semakin tinggi harapan individu, semakin tinggi strategi dan motivasi untuk mencapai sesuatu tujuan. Kajian Davidson et al. (2009) menemukan individu yang mempunyai tahap harapan yang tinggi memiliki tahap tekanan yang rendah. Kajian Bernardo (2010) pula mendapati harapan mempunyai hubungan signifikan positif dengan matlamat, strategi dan prestasi. Worgan (2013) menekankan kepentingan individu memahami harapan masing-masing adalah untuk menjadikan individu lebih berlapang dada, menyumbangkan sesuatu yang positif terhadap persekitaran dan mengurangkan rasa putus asa.

Kajian-kajian yang berkaitan dengan harapan berkembang mengikut bidang. Antaranya kajian berkaitan harapan murid terhadap pengajaran guru. Burt (1911) yang meneliti harapan murid bermasalah tingkah laku terhadap

pengajaran guru telah mendapati murid bermasalah tingkah laku mempunyai tahap kemampuan pengharapan yang rendah berbanding murid normal. Kajian ini menyimpulkan bahawa murid bermasalah tingkah laku tidak kisah tentang keberkesanan aktiviti pengajaran guru. Walau bagaimanapun dapatan kajian Burt (1911) ini bertentangan dengan dapatan kajian Carroll (2003). Kajian Carroll (2003) menemukan hasil yang berbeza iaitu murid bermasalah tingkah laku meletakkan tahap pengharapan yang tinggi terhadap pengajaran guru setanding murid yang tidak bermasalah tingkah laku. Perkara ini dikukuhkan melalui dapatan dalam kajian Ebmeier dan Good (2009) iaitu murid bermasalah disiplin tetap mempunyai keinginan yang tinggi untuk berjaya. Walaupun sikap mereka terhadap peraturan sekolah adalah negatif, tetapi mereka tetap mengharap guru melaksanakan pengajaran yang berkesan kerana mereka ingin berjaya dalam pelajaran.

Muhammad Faizal dan Williams (2014) dalam penerokaannya menemukan empat tema pengharapan murid terhadap pengajaran guru. Tema-tema tersebut ialah murid mengharap pengajaran berkualiti, pengajaran dilaksanakan mengikut kemampuan murid, guru memberi insentif dalam pengajaran dan guru menguruskan masa dengan cekap dan berkesan. Muhammad Faizal dan Williams (2014) telah memperincikan dapatan bagi tema pengajaran berkualiti yang diharapkan oleh murid iaitu murid mengharap guru menyatakan tujuan pengajaran pada hari berkenaan dengan jelas, murid mengharap guru mengulangi kandungan pengajaran yang dilaluinya sebelum ini sepintas lalu, murid mengharap guru memberikan contoh yang dekat dengan kehidupan seharian untuk memudahkan murid memahami kandungan pengajaran dan murid mengharap guru menggunakan alat bantu sekiranya sesuai dengan isi pelajaran. Berdasarkan tema-tema yang diperlihatkan dalam kajian ini, satu kesimpulan dapat dibuat bahawa murid yang mempunyai dorongan yang kuat untuk berjaya mengharap guru melaksanakan pengajaran yang berkesan.

Menelusuri sorotan kajian, didapati bahawa pengajaran yang berkesan ditakrifkan dalam

pelbagai konsep. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2010) melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, pengajaran yang berkesan melibatkan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Darling-Hammond (2007) mengemukakan konsep pengajaran berkesan sebagai pengajaran yang dilaksanakan oleh guru yang mempunyai kecekapan yang mendalam dalam subjek yang diajar. Walaupun pelbagai takrifan diberikan bagi menggambarkan konsep pengajaran yang berkesan namun sehingga ke hari ini masih lagi tiada kesepakatan tentang pengukuran pengajaran yang berkesan (Cochran-Smith, 2008). Berhubung dengan perkara ini Abrami dan D'Apollonia (1991), Cashin dan Downey (1992) bersepakat pengajaran yang berkesan mempunyai hubungan

positif dengan pencapaian murid.

Secara relatifnya memang terdapat perbezaan pencapaian murid kerana latar belakang murid yang pelbagai aras, namun sekiranya perbezaan min pencapaian antara murid yang menguasai dengan tidak menguasai sesuatu kemahiran terlalu besar, maka keberkesanan pengajaran mungkin boleh dipertikaikan. Brookover et al., (2008) pula menegaskan bahawa pencapaian murid bukan bergantung kepada prestasi sekolah tetapi pencapaian murid bergantung kepada keberkesanan pengajaran guru yang mengajar di sekolah tersebut. Berkaitan dengan isu ini Brophy (2003) merumuskan episod pengajaran berkesan adalah apabila guru memenuhi harapan murid.

### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini ingin meneroka aspek harapan murid terhadap pengajaran karangan yang dilihat daripada perspektif tiga orang murid tingkatan lima. Kajian ini berbentuk kajian kes pelbagai kes-pelbagai tempat (*multicase-multiside studies*). Yin (2009) menjelaskan *multicase* ialah analisis yang melebihi daripada satu unit, manakala *multiside* pula merujuk kepada lebih daripada satu tempat kajian. Melalui reka bentuk ini, pengkaji dapat menyelami situasi sebenar bagi fenomena yang diteroka dalam persekitaran yang dikaji (Yin, 2009).

Pemilihan peserta kajian dilakukan secara rawak dan berbentuk persampelan bertujuan. Berdasarkan pencapaian peperiksaan akhir tahun tingkatan empat, peserta kajian boleh dikategorikan kepada murid cemerlang, murid sederhana dan murid lemah. Penerokaan daripada tiga orang murid berpotensi memberikan gambaran yang mendalam, lebih besar, lebih kukuh dan boleh dipercayai berkaitan harapan terhadap pengajaran karangan. Pemilihan beberapa kategori sekolah juga memungkinkan laporan dapat ditulis secara terperinci, berkesan dan bermakna (Merriam & Tisdell, 2015). Persamaan dan perbezaan yang dijana melalui penerokaan terhadap pelbagai kes-pelbagai tempat akan membolehkan pengkaji menganalisis dan membuat perbandingan serentak bagi tujuan pembinaan konstruk harapan murid.

Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini ialah protokol temu bual tidak berstruktur. Secara umumnya kandungan protokol temu bual tidak berstruktur ini mengandungi tiga peringkat iaitu peringkat pembukaan, peringkat penyoalan dan peringkat penutup. Pada peringkat pembukaan, penerangan tentang tujuan kajian dan etika kajian seperti kerahsiaan maklumat dijelaskan kepada peserta kajian. Pada peringkat penyoalan, pengkaji menumpukan soalan bagi tujuan mencapai

objektif kajian. Rangsangan umum diberikan dan peserta kajian pula digalakkan untuk memberi maklum balas secara bebas mengenai harapan mereka terhadap pengajaran karangan. Pada peringkat penutup pula, pengkaji melahirkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada peserta kajian. Kesahan kandungan instrumen kajian ini telah diperakukan oleh seorang pakar pengajaran Bahasa Melayu. Aspek kebolehpercayaan instrumen pula dapat dijangkau melalui jejak audit. Menerusi jejak audit pengkaji menjelaskan secara terperinci proses pengutipan dan penganalisisan data. Dokumentasi ini penting dalam menentukan proses temu bual, transkripsi dan pembentukan tema yang konsisten dengan kronologi kajian (Creswell & Poth, 2018).

Bagi memastikan data temu bual dianalisis dalam keadaan teratur dan mudah diakses, pengkaji membentuk fail bagi setiap peserta kajian. Fail tersebut mengandungi butiran peserta kajian termasuklah latar belakang peserta kajian dan maklumat perhubungan. Selain itu, pengkaji turut melabelkan setiap rakaman dan transkrip salinan temu bual. Langkah ini penting untuk pengkaji memperoleh dan mengakses kembali data. Bagi memudahkan proses pengurusan data tersebut, pengkaji menggunakan perisian Nvivo. Pengkaji memberikan setiap peserta kajian dengan kod nama serta setiap temu bual dilabelkan dengan butiran temu bual seperti tarikh dan masa sesi tersebut dijalankan. Pengurusan data yang sistematik memudahkan pengesahan data untuk temu bual susulan. Berkaitan perkara ini, Creswell dan Poth (2018) mencadangkan lima langkah asas iaitu mengumpul data yang verbal, membaca data, memecahkan data kepada bahagian tertentu, mengekspresikan data dan merumuskan data.

Data dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik yang diperkenalkan oleh Ritchie dan Spencer (1994). Menerusi pendekatan

ini, beberapa prosedur dilakukan bermula dengan membaca transkrip temu bual secara berulang kali bagi mendapatkan maklumat penting berkaitan dengan persoalan kajian. Kemudian, pengkaji mengenal pasti tema iaitu menentukan kandungan yang berkaitan dengan objektif kajian dan mengabaikan kandungan yang tiada kaitan. Selanjutnya pengkaji mengenal pasti subtema dan

menghubungkan satu tema dengan tema yang lain. Langkah seterusnya ialah bahagian pemaparan data dalam bentuk rajah bagi memudahkan pemahaman pengkaji menghuraikan penemuan kajian berkaitan harapan murid terhadap pengajaran karangan.

### DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan dapatan analisis temu bual berkaitan harapan murid terhadap pengajaran

karangan berdasarkan perspektif tiga orang murid.

#### Pengajaran Karangan yang Berkualiti

Peserta kajian telah bersetuju bahawa aspek utama yang diharapkan oleh mereka terhadap pengajaran karangan ialah aspek pengajaran karangan yang berkualiti. Peserta kajian mengharapkan guru benar-benar mengajar karangan. Secara khusus,

peserta kajian menyatakan guru perlu membimbing mereka mengarang, bukan memberikan latihan mengarang tanpa bimbingan. Pandangan tersebut adalah seperti berikut:

- PK1 Cikgu masuk kelas, bagi soalan karangan. Lepas tu suruh buat. Dia tak *guide* pun. Pandai-pandailah kita orang nak buat. Siap tak siap hantar. Jenis cikgu macam ni, buat saya benci karangan.
- PK2 Waktu BM cikgu bagi latihan karangan. Biasa cikgu baca kat dalam kelas kehendak soalan karangan tu. Lepas tu cikgu suruh bincang dengan kawan isi-isi penting apa yang nak tulis. Satu masa BM tu kami bincang. Tak tau apa pun yang kami bincang..(hehe)...*last-last* satu habuk pun tak tulis.
- PK3 Ada je tajuk karangan cikgu bagi. Bagi cikgu *practise make perfect*. Cikgu adalah *briefing* sikit-sikit. Tapi saya selalu fikir yang cikgu tak ajar apa-apa pun masa karangan. Yang pandai tu, boleh tulis, yang tak pandai tu macam tu jugalah.

#### Pengajaran Karangan Secara Bertahap-Tahap

Peserta kajian telah bersepakat menyatakan aspek kedua yang diharapkan oleh mereka terhadap pengajaran karangan ialah pengajaran yang dilaksanakan mengikut tahap-tahap penulisan. Secara khusus, peserta kajian menyatakan

pengajaran karangan seharusnya dilakukan secara bertahap-tahap seperti menulis perenggan pengenalan, menulis perenggan isi dan menulis perenggan penutup. Pandangan tersebut adalah seperti berikut:

- PK1 Rasanya satu hari belajar tulis satu perenggan lagi ok kot. Ni cikgu dok pentingkan karangan lengkap.
- PK3 Tak boleh ke cikgu tunjuk satu-satu. Maksud saya hari ni belajar pendahuluan. Dah *terer* buat pendahuluan, cikgu ajar macam mana nak tulis perenggan isi. Bila-bila nanti belajar macam mana nak tulis penutup. Tak adalah stres sangat.

#### Mempelbagaikan Kaedah Pengajaran Karangan

Peserta kajian telah bersatu menyatakan aspek ketiga yang diharapkan mereka terhadap pengajaran karangan ialah guru mempelbagaikan kaedah pengajaran. Secara khusus, peserta kajian

menyatakan guru seharusnya mempunyai strategi pengajaran karangan yang berkesan. Pandangan tersebut adalah seperti berikut:

- PK1 Bosan la cara cikgu ajar karangan. Masa tingkatan 4 dulu sama je dari awal tahun sampai akhir tahun.
- PK2 Saya jemu cara cikgu ajar. Cikgu suka sangat bincang isi karangan dalam kumpulan lepas tu buat pembentangan. Tak ada teknik lain cikgu guna.
- PK3 Saya harap cikgu tukar-tukar cara mengajar. Kalau boleh sekali-sekala tu tunjuklah karangan contoh yang terbaik.

### Maklum Balas Penulisan

Peserta kajian telah bersepakat menyatakan aspek keempat yang diharapkan oleh mereka terhadap pengajaran karangan ialah maklum balas penulisan yang boleh menjadikan mereka lebih kritis. Secara khusus, peserta kajian menyatakan maklum balas penulisan penting untuk mereka melihat semula, menyemak dan membaiki penulisan. Pandangan tersebut adalah seperti berikut:

- PK1 Cikgu tanda *right* dan bagi markah. Tak ada komen sangat. Karangan tak siap cikgu tulis sila siapkan.
- PK2 Latihan karangan punyalah banyak, tapi tak dapat *feedback* pun. Nak tahu juga karangan saya tu ok ke tak ok.
- PK3 Cikgu responslah betul-betul pasal karangan. Sebab saya nak tahu apa kelemahan dan kekuatan saya.

### Intervensi

Peserta kajian telah bersepakat menyatakan aspek terakhir yang diharapkan mereka terhadap pengajaran guru ialah intervensi. Secara khusus, peserta kajian mengharapakan guru memberi rawatan, pemulihan, bimbingan dan nasihat secara intensif bagi meningkatkan pencapaian mereka dalam penulisan. Pandangan tersebut adalah seperti berikut:

- PK1 Saya tak kisah pun kena *stayback* kalau cikgu nak buat kelas tambahan. Tapi kelas tu biar betul-betul menolong saya. Kalau sama bosan macam kelas pagi, memang saya tak akan datang.
- PK2 Cikgu letak saya dalam *group* pemulihan pun ok je. Janji cikgu ada *approch* yang boleh membantu saya. Kalau cikgu tak tahu nak buat apa, mungkin cikgu boleh panggil cikgu sekolah lain bantu.
- PK3 Tak pernah cikgu buat pemulihan untuk karangan lepas *exam*. Saya harap cikgu buat kelas pemulihan tu.

### PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga peserta kajian berjaya mengemukakan dapatan kajian yang memperihalkan konteks sebenar yang berlaku di bilik darjah terhadap harapan murid dalam pengajaran karangan. Meneliti tema-tema yang terhasil daripada harapan murid terhadap pengajaran karangan, tema-tema ini dilihat berpadanan dengan saranan Chall (2007) iaitu murid menaruh harapan terhadap guru dalam proses pembelajaran. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa harapan murid mewakili keperluan murid yang mesti dipenuhi oleh guru (Carroll, 2003; Good & Beckerman, 2008). Biasanya, keperluan murid itu akan ditemukan

melalui kajian yang dijalankan dan penemuannya hampir sama. Misalnya Aman Shah dan Zamri (2021) melihat aspek kosa kata, Nurul Aisyah et al. (2016) pula mendapati aspek menjana idea, manakala Norliza et al. (2021) mengesan aspek pembinaan ayat yang gramatis, aspek tanda baca dan aspek penguasaan format adalah antara keperluan yang perlu diberi perhatian oleh guru. Pengkaji-pengkaji seperti Khatijah (1996), Roselan (2003), Rozita et al. (2022) pula melihat aspek wacana daripada dimensi pertautan yang meliputi kohesi dan koheren merupakan keperluan yang perlu diutamakan dalam pengajaran guru. Berhubung perkara ini Burt

(2011), Muhammad Faizal dan Williams (2014) mendapati bahawa harapan murid merupakan keperluan murid yang perlu ditumpukan oleh guru.

Harapan murid dalam kajian ini bagi konstruk pengajaran karangan berkualiti adalah selari dengan penemuan Carroll (2003), Good dan Beckerman (2008), iaitu murid-murid bermasalah tetap mengharapkan guru mengajar secara cekap dan berkesan sebagaimana murid-murid yang normal lain. Begitu juga bagi konstruk pengajaran karangan yang bertahap-tahap adalah sehaluan dengan kajian Ebmeier dan Good (2009) bahawa pengajaran harus dilakukan mengikut kemampuan murid. Menurut Ghazali (2008), prinsip bertahap-tahap dalam proses mengajarkan sesuatu kemahiran sangat mustahak kerana metode pengajaran seharusnya bermula dengan mempelajari perkara-perkara asas dan dilanjutkan dengan konsep yang lebih rumit sesuai dengan tahap pemikiran murid.

Selanjutnya, harapan murid bagi konstruk mempelbagaikan kaedah pengajaran karangan seiringan dengan dapatan yang ditunjukkan oleh Muhammad Faizal dan Williams (2014), iaitu murid berharap guru menggunakan bahan bantu yang menarik dan menyeronokkan, di samping menggunakan bahasa yang mudah dalam menyampaikan isi pelajaran. Harapan murid bagi konstruk maklum balas penulisan berpadanan dengan kajian Douglas dan Alexander (2016), Hortono Anwar dan Murtinungrum (2019), iaitu murid ternanti-nanti maklum balas deskriptif yang cepat atau dalam masa singkat yang akan menerangkan kelemahan dan kekuatan penulisan. Harapan murid bagi konstruk intervensi didapati tidak bercanggah dengan dapatan kajian Brophy (2003) iaitu murid menunggu-nunggu suatu rawatan atau pemulihan yang tersusun untuk

meningkatkan pencapaiannya walaupun murid berkenaan sering melanggar peraturan sekolah.

Secara tuntasnya, pada bahu guru terpicul tanggungjawab untuk melengkapkan murid dengan keterampilan mengarang. Keterampilan menerangkan, meringkaskan, merumus, mengolah, mengulas dan mengedit pelbagai bentuk penulisan dengan tersusun menggunakan bahasa yang betul, gramatis dan menarik menuntut guru merancang pengajaran secara teliti. Perancangan pengajaran secara teliti itu pula seharusnya mempertimbangkan harapan murid. Perkara ini merujuk guru hendaklah menstrukturkan bahan pengajaran karangan sebagaimana yang diharapkan oleh murid, iaitu pengajaran karangan yang berkualiti, pengajaran karangan yang bertahap-tahap, pengajaran karangan dengan pelbagai kaedah, maklum balas penulisan dan intervensi penulisan agar pengajaran karangan benar-benar dapat menyelesaikan masalah murid dalam mengarang. Sudah sampai masanya untuk guru bangkit daripada lena dengan menyedari bahawa wajah-wajah murid di hadapannya menyimpan harap yang tinggi setiap kali pengajaran karangan berlangsung. Kemampuan guru melaksanakan pengajaran dengan memenuhi harapan murid ini secara tidak langsung akan membantu murid menyingkirkan persepsi buruk terhadap pengajaran karangan, membenamkan penilaian negatif terhadap penulisan, menghapuskan kebimbangan setiap kali ingin memulakan penulisan, meningkatkan keyakinan diri yang rendah seterusnya menambah upaya untuk menghasilkan ayat yang berkualiti dan perenggan yang bermutu.



RAJAH 1: Ringkasan harapan murid dalam pengajaran karangan

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, makalah ini mempertimbang harapan murid terhadap pengajaran karangan. Justifikasinya adalah kerana masalah murid dalam mengarang masih menjadi persoalan walaupun banyak perspektif lain yang mencorak dan mendominasi penyelidikan berkaitan pengajaran karangan. Oleh itu, penulis mencadangkan harapan murid terhadap pengajaran karangan dijadikan mekanisme baharu dalam mengajarkan karangan dengan cara yang lebih inovatif menggunakan bahan bantu yang menarik dan hidup sesuai dengan tahap kecerdasan, kematangan dan latar belakang murid. Guru-guru disaran meninggalkan amalan

memberi penerangan yang berbentuk umum dan abstrak dalam pengajaran karangan sebaliknya mempertimbang dan memahami harapan murid. Sebagai penutup, penulis turut mengusulkan lebih banyak kajian berkaitan harapan murid terhadap pengajaran karangan dengan sampel kajian yang lebih besar dan lebih menyeluruh mewakili harapan murid di bandar, harapan murid di luar bandar, harapan murid arus perdana dan harapan murid berkeperluan khas khusus untuk pelaksanaan pengajaran mampan kemahiran menulis.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.
- Abrami, E.C., & D'Apollonia, S. 1991. Multidimensional students' evaluations of teaching effectiveness Generalizability of "N=1" research: Comment on Marsh. *Journal of Educational Psychology*, 30: 221-227.
- Aman Shah Syed Ali, & Zamri Mahamod. 2021. Masalah penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. *Prosiding Konvensyen Bahasa Melayu 2021*.
- Bernardo, A.B. 2010. Extending hope theory: Internal dan external locus of trait hope. *Journal of International Society for Study of Individual Differences*, 49(8): 944-948.
- Brookover, W., Schweitzer, J., Schneider, J., Beady, C., Flood, P. & Wisebaker, J. 2008. Elementary school social climate and school achievement. *American Educational Research Journal*, 15: 301-318.
- Brophy, J.E. 2003. Research on the self-fulfilling prophecy and teacher expectations. *Journal of Educational Psychology*, 75: 631-661.
- Burt, C. 1911. Experimental tests of higher mental processes and their relation to general intelligence. *Journal of Experimental Pedagogy and Training*, 1: 93-112.
- Carroll, L. 2003. *Through the Looking Glass*. New York: Penguin Classics.
- Cashin, W.E. & Downey, R.G. 1992. Using global student rating items for summative evaluation. *Journal of Education Psychology*, 84: 563-572.
- Chall, J. 2007. *Learning to Read: The Great Debate*. New York: McGraw-Hill.
- Che Zanariah Che Hasan & Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 67-87.
- Cochran-Smith, M. 2008. The new teacher education in the United State: Directions forward. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 14(4): 217-282.
- Creswell, J.W. & Poth, C.N. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing among Five Approaches*. Fourt Edition. Los Angeles: SAGE Publications, Inc.
- Darling-Hammond, L. 2007. *Recognizing and Enhancing Teacher Effectiveness: A Policymaker's Guide*. Washington, DC: Council of Chief State Schools Officers.
- Davidson, C.L., Wingate, L.R., Ramussen, K.A., & Shish, M. 2009. Hope as predictor of interpersonal suicide risk. *Journal of Suicide and Life-Threatening Behavior*, 39(5): 507-520.
- Douglas Aaron Black, & Alexander Nanni. 2016. Written corrective feedback: Preferences and justifications of teachers and students in a Thai context. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(3): 99-114.
- Ebmeier, H., & Good, T. 2009. An investigation of interactive effects among student types, teacher types and instruction types on the Mathematics achievement of fourth grade students. *American Educational Research Journal*, 3(4): 23-34.
- Ghazali Darulsalam. 2008. Teori dan model Islam. *Seminar Penyelidikan Pendidikan JPN Wilayah Persekutuan Labuan*, 32: 1-29.
- Ghazzoul, N. 2018. Topic sentence coaching: Keys to unlock intricacy of academic writing. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 26(2): 999-1018.
- Good, T. & Beckerman, T. 2008. Time on task: Anaturalistic study in sixth grade classroom. *The Elementary School Journal*, 78: 192-201.
- Hill, F.M. 2005. Managing service quality in higher education: the role of the student as primary consumer. *Quality Assurance in Education*, 3: 10-21.



- Hortono, H., Anwar, C. & Murtinungrum, A. 2019. Corrective feedbacks and grammar teaching in a situated teaching context of process-based writing. *Register Journal*, 12(1): 28-48.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Khatijah A. Hamid. 1996. Wacana dalam teks penulisan: Tinjauan tentang pertautan berdasarkan analisis kohesi dan koheren. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1: 868.
- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod. 2020. Keberkesanan kaedah Flipped Classroom dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan murid-murid sekolah rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1): 189-203.
- Merriam, & Tisdell. 2015. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. 4th Edition. San Francisco: Allyn & Bacon.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Williams, J. 2014. Harapan murid bermasalah terhadap pengajaran guru: Satu kajian awal di sebuah di negara maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1).
- Nee, T.Y. & Muhammad Syawal Amran. 2021. Pembelajaran menggunakan kaedah Brainwriting dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis. *Sains Insani*, 6(2): 39-50.
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman & Abdul Munir Ismaill. 2021. Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid tahun lima. *MANU*, 32(1): 1-17.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. 019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2): 30-42.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 1-9.
- Nurul Asyikin Md Yatim, Chew Fong Peng, & Zuraidah Abdullah. 2020. Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru u Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2): 43-53.
- Peterson, S. & Bryon, K. 2008. Exploring the role of hope in job permannce: Result from four studies. *Journal of Organizational Behavior*, 2: 785-803.
- Ritchie, J. & Spencer, L. 1994. Qualitative data analysis for applied policy research" by Jane Ritchie and Liz Spencer in A. Bryman and R. G. Burgess [Eds.]. *Analyzing Qualitative Data*, pp. 173-194. New York: Longmann.
- Roselan Baki. 2003. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Rozita Mohamad Yune, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. 2022. Kesan pengajaran sarana kohesi dalam meningkatkan keupayaan menulis berdasarkan jantina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 1-8.
- Steele, C. 2002. Race and the schooling of black Americans. In *Psychology is Social: Readings and Conversations in Social Psychology*. New York: Harper Collins.
- Wineburg, S.S. 2007. The self-fulfillment of the self-fulfilling prophecy. *Educational Researcher*, 16: 28-36.
- Worgan, T. 2013. Hope theory in coaching: How clients respond to interventions based on Snyder's theory of hope. *International Journal of Evidence Based Coaching and Mentoring*, 7(Special Issue): 100-114.
- Wuwuh Yunhadi. 2016. The structural parts of paragraph writing by Indonesian EFL learners. *International Journal of EFL*, 1(1): 33-43.
- Yin, R. 2009. *Case Study Research Design and Methods*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd Rahman, Samsilah Roslan, & Norazlina Mohd Kiram. 2013. Pencapaian Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan calon Penilaian Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1): 1-11.